

TATACARA PERMOHONAN

SECOND EDITION OF THE YOUNG PROFESSIONALS PROGRAM (YPP)

Sukacita memaklumkan bahawa pihak ICESCO telah membuka permohonan bagi ***Second Edition of the Young Professionals Program (YPP)*** telah dilancarkan. Program YPP memberikan peluang kepada para belia daripada Ahli-Ahli Anggota ICESCO untuk menghabiskan latihan profesional selama dua-puluh empat (24) bulan di salah satu Sektor, Jabatan atau Pusat di Ibu-Pejabat ICESCO, Rabat, Maghribi.

Kriteria-kriteria bagi memohon Program UPP Edisi Kedua ini adalah seperti berikut:

- Berasal daripada salah satu Ahli-Ahli Anggota ICESCO (Negara Brunei Darussalam adalah Ahli Anggota ICESCO sejak tahun 1985);
- Berumur kurang daripada tiga-puluh lima (35) tahun pada tarikh permohonan;
- Memiliki sekurang-kurangnya kelayakan ijazah atau yang setaraf dengannya dalam bidang pendidikan, sains, budaya atau mana-mana bidang lain yang berkaitan dengan ICESCO; dan
- Mahir dalam salah satu bahasa kerja ICESCO (Bahasa Arab, Inggeris atau Perancis).

Pihak yang berminat dialu-alukan untuk terus mengisi borang permohonan **sebelum 30 Januari 2025** dengan melampirkan perkara-perkara berikut:

- Curriculum vitae (CV) dalam Bahasa Arab, Inggeris atau Perancis;
- Salinan akademik dan kelayakan;
- Salinan kad pengenalan atau pasport; dan
- Salinan sijil kelahiran.

Bagi sebarang pertanyaan lanjut, bolehlah menghubungi pihak Sekretariat melalui alamat emel – rh@icesco.org. Untuk maklumat lanjut, sila layari pautan-pautan dan kod-kod QR berikut:

 https://bit.ly/4qS36B Poster	 https://bit.ly/4qFwN8 Laman Web	 https://bit.ly/400B0N Peraturan	 https://bit.ly/40ieO2s Borang Permohonan
--	---	--	---